

## *Self-Construal* Watak Protagonis Wanita dalam Filem Melayu

### *Female Protagonist's Self-Construal in Malay Film*

NUR AZLIZA MOHD NOR & NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH

#### ABSTRAK

*Bilangan filem yang memaparkan wanita sebagai protagonis adalah amat terhad dalam sejarah perfileman Melayu. Di Malaysia, U-Wei adalah pengarah yang menghasilkan filem Melayu berprotagonis wanita yang paling kontroversi setakat ini. Salah satu daripada empat buah filem U-Wei yang berprotagonis wanita adalah filem Buai Laju-Laju (2004). Filem ini adalah yang ketiga bagi U-Wei tetapi yang pertama diarahnya dalam alaf 21. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan mengkaji identiti watak protagonis Zaiton dalam filem tersebut. Teori Self-Construal oleh Markus & Kitayama (1991) diaplikasikan sebagai kerangka analisis bagi mengetahui sama ada Zaiton adalah Self-Construal interdependent (Timur) ataupun independent Self-Construal (Barat). Sebagai watak Melayu Islam, Self-Construal Zaiton dikaji peranannya sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat. Sehubungan dengan itu, persoalan kajian yang diteliti adalah, 'apakah bentuk Self-Construal Zaiton sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat dalam filem Buai Laju-Laju?' Data bagi artikel ini diperolehi daripada kajian jenis fundamental dengan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen utama kajian yang dilaksanakan ini adalah temu bual dengan U-Wei, sebagai penulis dan pengarah filem ini. Analisis kandungan turut dilakukan terhadap filem Buai Laju-Laju, di samping penulisan-penulisan lepas. Dapatan dalam artikel ini adalah kognisi, emosi dan motivasi Zaiton lebih banyak dipengaruhi oleh dirinya sendiri berbanding pandangan, perasaan dan matlamat orang lain. Sejajar dengan itu, secara keseluruhannya watak Zaiton didapati lebih cenderung dikelaskan kepada Self-Construal Barat. Atas sebab tersebut juga watak ini didapati bertentangan dengan norma-norma sosial, agama dan budaya Melayu.*

*Kata kunci: Identiti; filem Melayu; Self-Construal; protagonis; U-Wei Haji Saari*

#### ABSTRACT

*In the history of Malay films there are very limited numbers of films that portray female character as protagonist. U-Wei is the only Malay film director in Malaysia that has produced the most controversial female protagonist. Buai Laju-Laju is one of the four films directed by U-Wei with a female protagonist. This was U-Wei's third film with a female protagonist but his first in the new millennium. Thus, this article intends to study Zaiton, the female protagonist of the mentioned film by U-Wei. Markus & Kitayama's (1991) self-construal theory was applied to determine whether Zaiton's self-construal is interdependent (Eastern) or the independent (Western) type. As a Malay Muslim character, Zaiton's self-construal was examined based on her responsibility as a daughter, wife and member of the society. Thus, this article intends to answer, 'what is Zaiton's self-construal based on her responsibility as a daughter, wife and a member of her society in Buai Laju-Laju?' The data for this article was gathered from a fundamental research with qualitative method. The main instrument for this research was interview with the writer and director of the movie, U-Wei. Content analysis was also carried out on Buai Laju-Laju, previous literatures. The findings in this article is that Zaiton's emotion and motivation is from herself and it is not influenced by other party's point of view, emotion or objective. Zaiton has a Western self-construal, thus this character appears to be contradictory the social norms, religion and the Malay culture.*

*Keywords: Identity; Malay film; self-construal; protagonist; U-Wei Haji Saari*

## PENGENALAN

Dalam sejarah awal perfileman Melayu, jumlah watak wanita yang diangkat sebagai protagonis adalah amat terhad. Tidak ramai pengarah lelaki mahupun pengarah wanita dalam industri perfileman Melayu yang menghasilkan filem seperti tersebut. Hal ini agak ketara sama ada dalam era filem Melayu (1930-1989) dan juga aliran baru filem Malaysia (1990 sehingga kini). Dikatakan sedemikian kerana pada penghujung dekad 1970-an hingga 1980-an, hanya terdapat dua buah filem sahaja yang mengangkat protagonis wanita oleh pengarah wanita iaitu Seniwati Saadiah dengan filemnya, *Ceritaku Ceritamu* (1979) dan Rosnani Jamil dengan *Mawar Merah* (1987). Karya-karya pengarah lelaki misalnya seniman Agung, P. Ramlee seperti *Penarek Beca* (1956), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961), *Ibu Mentua ku* (1962), *Madu Tiga* (1964) dan *Nasib Do Re Mi* (1966), watak wanitanya pula adalah sebagai pembantu dengan peranan sebagai suri rumah, balu, hamba, wanita yang berpoligami dan 'mandul'. Begitu juga dengan seniman legenda, Jins Shamsuddin, apabila menggambarkan imej wanitanya yang tersisih, *interdependent* dan akur kepada kemahuan lelaki, misalnya dalam filem-filemnya seperti *Menanti Hari Esok* (1977), *Esok Masih Ada* (1980) dan *Esok Untuk Siapa* (1981). Walau bagaimanapun, bilangan filem berprotagonis wanita dalam aliran baru oleh pengarah lelaki menunjukkan peningkatan. Lanjutan itu, secara tidak langsung imej wanita mula menunjukkan perubahan apabila terkeluar daripada imej stereotaip watak-watak wanita sebelum ini yang lemah dan pasif. Antaranya, dalam filem arahan U-Wei Haji Saari misalnya, *Perempuan, Isteri & ...* (1993), Mahadi J. Murat dengan *Wanita Bertudung Hitam* (1992) dan Aziz M. Osman seperti *Femina* (1994) yang begitu berani dan agresif untuk menentang lelaki (Arkib Negara Malaysia t.th.; Asiah 1985; A. Wahab 1994; Finas 2017; Soh 1988).

Sehingga kini, terdapat sejumlah sutradara tempatan yang sering mengangkat watak wanita di layar perak sebagai watak protagonis, misalnya Aziz M. Osman. Walau bagaimanapun, antara watak wanita yang mencetuskan kontroversi dalam aliran baru Malaysia adalah watak yang digarap oleh sutradara prolifik, U-Wei Haji Saari. Biarpun, U-Wei tidak banyak menghasilkan filem berbanding dengan rakan-rakan seangkatannya tetapi watak wanitanya menerima perhatian yang hebat daripada para penonton, pengkritik-

pengkritik filem dan sarjana-sarjana perfileman. Buktinya, watak protagonis wanitanya dalam filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993) menerima kecaman dan menimbulkan polemik sehingga U-Wei (2014) mengakui bahawa dia dilihat sesetengah pihak sebagai karyawan yang anti dengan golongan wanita. Lebih-lebih lagi, U-Wei menggambarkan watak wanitanya iaitu Zaleha dengan imej 'jalang' apabila watak ini menggunakan seksual sebagai 'senjata' untuk menundukkan lelaki dan mencapai hajatnya. U-Wei seperti tidak serik apabila setahun kemudiannya mengarahkan pula filem keduanya, *Black Widow-Wajah Ayu* (1994). Meskipun, watak yang ditunjangi Mas Ayu tidak dapat menandingi kontroversi watak pertamanya kerana dikaburi dengan kelemahan-kelemahan seperti teknikal dan lakonan, tetapi secara jelas U-Wei memaparkan watak protagonis Mas Ayu sebagai 'sundal'. Watak ini juga dipaparkan dari sudut seksualiti yang melanggar budaya masyarakat Melayu. Tidak terhenti setakat itu, 10 tahun kemudiannya U-Wei menghasilkan pula filem *Buai Laju-Laju* (2004), dengan mengetengahkan watak seorang isteri yang 'curang', iaitu Zaiton. Watak ini juga turut menggunakan kelebihan seksualiti untuk mencapai cita-citanya. Walau bagaimanapun, watak protagonis iaitu Mem dalam filem terakhirnya iaitu *Hanyut* (2016) tidak sepertimana kelaziman watak wanita yang dipaparkan oleh U-Wei sebelum ini. Hal ini demikian kerana U-Wei tidak memperlihatkan tentang seksualiti pada watak ini tetapi lebih kepada kekuatannya sebagai isteri kepada Kaspar Almayer yang terlalu leka dengan mitos gunung emas.

Lanjutan itu, permasalahan kajian ini bertitik-tolak daripada dakwaan sarjana tempatan, Zawawi (2004) bahawa Zaleha dalam filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993) telah disuntik oleh U-Wei secara luarannya iaitu dari sudut seksualiti sebagai wanita Barat. Jika diamati ketiga-tiga watak U-Wei iaitu Zaleha, Mas Ayu dan Zaiton tidak dapat dinafikan bahawa tindakan watak-watak protagonis ini bertentangan dengan budaya dan agama masyarakat Melayu Islam. Untuk menguji kenyataan Zawawi (2004), kajian terhadap watak Zaleha dan Mas Ayu telah dilaksanakan oleh sarjana sebelum ini dari aspek identiti (Nur Azliza et al. 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018). Namun begitu, identiti watak protagonis U-Wei yang pertama pada alaf ke-21 iaitu Zaiton dalam filem *Buai Laju-Laju* (2004), masih lagi belum diteliti. Walhal, filem ini menurut U-Wei (2018) adalah kesinambungan daripada filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993). Sehubungan dengan

itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan, ‘apakah bentuk *Self-Constual* Zaiton sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat dalam filem *Buai Laju-Laju*?’ Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis *Self-Constual* sebenar watak Zaiton berdasarkan peranannya yang multidimensi sama ada digarap pengarahnya sebagai wanita Timur atau Barat. Selain itu, artikel ini juga bertujuan meneliti sama ada identiti Zaiton selari dengan watak Zaleha dan Mas Ayu yang dipaparkan oleh U-Wei dalam filem-filem sebelumnya.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap wanita di Malaysia semakin menunjukkan perkembangan dari tahun ke tahun, sehingga mencakupi pelbagai bidang antaranya sejarah, politik dan psikologi (Nordin Hussin et al. 2012; Nor Rafidah et al. 2017; Siti Marziah et al. 2017). Begitu juga dalam bidang pengkajian filem yang sehingga kini telah dilakukan penelitian oleh para sarjana terdahulu dalam pelbagai perspektif. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tertumpu kepada watak wanita yang dibangunkan oleh penulis skrip dan pengarah dalam filem. Dengan ini, terdapat sejumlah penulisan berbentuk akademik yang dikenal pasti mengangkat watak wanita sebagai subjek kajian. Filem-filem tersebut bukan sahaja tertumpu kepada genre melodrama, seram, berunsurkan Islam malah termasuk juga filem berbentuk animasi kanak-kanak Malaysia (Azlina & Jamaluddin 2013; Azlina 2017; Fuziah Kartini & Faridah 2004; Hanita 2011; Mohd Helmi & Jamaluddin 2018; Ngo 2003; Ngo 2010; Noor Aida & Nasihah 2015; Nur Azliza et al. 2016; Nur Azliza et al. 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2018; Nur Nafishah 2015; Zawawi 2004).

Selari dengan artikel ini yang meneliti tentang filem *Buai Laju-Laju* (2004), maka setakat ini terdapat empat penulisan yang berkaitan. Penulisan-penulisan tersebut didokumentasikan dalam tesis, kertas kerja persidangan, kertas kerja prosiding dan artikel jurnal, yang masing-masing mengkaji dari aspek ideologi pengarah, semiotik, *mise-en-scene* dan korpus ilmu (Khoo 2010; Mohd Hafiz 2010; Noor Bazura & Abd Ghafar 2008; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha 2017). Walaupun begitu, adalah mustahil sekiranya kesemua penulisan tersebut dibincangkan dalam artikel ini. Dengan ini, hanya penulisan oleh Hanita (2011) sahaja yang dibincangkan secara terperinci, memandangkan kajiannya meneliti

tentang watak-watak heroin dalam filem U-Wei. Meskipun kertas kerja Nur Azliza et al. (2017) dan Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2018) mengkaji tentang watak protagonis pertama dan kedua U-Wei tetapi tetap juga diperbincangkan dalam bahagian ini untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan dengan watak protagonis ke tiga U-Wei.

Tesis Doktor Falsafah oleh Hanita (2011) adalah bertitik-tolak tentang permasalahan filem-filem genre melodrama yang mencetuskan kritikan kerana mengekspresikan tentang emosi dan sentimental yang tinggi dalam naratif filem. Maka, kerangka analisis oleh Christine Gledhill dalam esei yang berjudul, *Pleasurable Negotiations* diaplikasikan dalam kajiannya. Pendekatan kajian yang digunakan pula adalah menerusi analisis teks filem U-Wei berserta filem-filem terpilih yang lain bermula pada tahun 1990-an hingga 2019. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa filem-filem tersebut cenderung memaparkan watak-watak wanita yang berfikir bebas dalam usaha merundingkan peraturan patriarki. Penemuan juga turut mendedahkan bahawa bermula pada tahun 1990-an sehingga mencapai alaf baru, watak-watak wanita tersebut telah terdedah kepada perubahan sosial dan peranan baru wanita dalam ekonomi pasaran Malaysia. Oleh itu, persamaan kedua-dua kajian ini apabila meneliti tentang wanita yang memegang peranan sebagai watak utama. Perbezaannya pula apabila kajian Hanita menekankan filem-filem berbentuk melodrama. Walau bagaimanapun, kajian ini pula tidak mengambil kira tentang genre filem, sebaliknya lebih tertumpu kepada identiti watak protagonis itu sendiri.

Nur Azliza et al. (2017) dalam kertas kerja persidangannya pula bersandarkan permasalahan kajian tentang watak protagonis Zaleha yang digarap sebagai wanita Melayu Islam tetapi kelakuannya menyimpang daripada norma-norma masyarakat dan ketetapan agama. Persoalan kajian yang diteliti adalah ‘apakah bentuk *Self-Constual* watak protagonis wanita Melayu yang dipaparkan oleh U-Wei dalam filem *Perempuan, Isteri & ...?*’. Kajiannya merupakan kajian penyelidikan kualitatif dan instrumen utama untuk memperoleh data adalah menerusi analisis kandungan. Teori *Self-Constual* yang diutarakan oleh Markus & Kitayama (1991), iaitu *independent Self-Constual* dan *interdependent Self-Constual* digunakan sebagai landasan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa watak Zaleha sebagai seorang isteri mempunyai kedua-dua bentuk *Self-Constual*. Secara keseluruhannya,

penemuan mengesahkan bahawa Zaleha sebagai isteri lebih cenderung ke arah Barat berbanding Timur. Persamaan kedua-dua kajian ini apabila mengaplikasikan kerangka analisis, *Self-Constructual* yang serupa. Titik perbezaannya pula apabila Nur Azliza et al. hanya meneliti tentang kesan khusus pola kognisi dan bentuk emosi dengan peranannya sebagai isteri. Sedangkan, kajian ini pula menyentuh ketiga-tiga kesan, termasuklah motivasi terhadap kesemua peranan Zaiton sama ada sebagai anak, isteri dan anggota masyarakat.

Dalam dimensi yang sama, Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha (2018) melaksanakan kertas kerja persidangannya dengan permasalahan kajian tentang watak protagonis Mas Ayu yang berkerjaya tetapi mengamalkan pula gaya hidup bebas. Kajiannya berhasrat menjawab persoalan, 'apakah *Self-Constructual* watak Mas Ayu sebagai seorang anak dalam *Black Widow-Wajah Ayu?*'. Data kajian ini bersandarkan kepada penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif. *Independent Self-Constructual* (Barat) dan *interdependent Self-Constructual* (Timur) yang dipelopori oleh Markus & Kitayama (1991) diaplikasikan sebagai alat penyelidikan. Selain itu, kajiannya turut mengaplikasikan pendekatan Islam iaitu tanggungjawab sebagai seorang anak berlandaskan al-Quran dan hadis. Dapatan kajiannya mendedahkan bahawa biarpun watak protagonis Mas Ayu bergelar anak 'luar nikah' dan mengamalkan gaya hidup yang bebas, tetapi hal tersebut tidak dijadikan sebagai alasan untuk menepikan tanggungjawab terhadap ibunya. Maka, kajian keseluruhannya mengesahkan bahawa Mas Ayu dikategorikan sebagai *interdependent Self-Constructual* kerana masih mengambil kira tentang status, peranan dan tanggungjawab sebagai seorang anak. Tidak dapat dinafikan bahawa persamaan kedua-dua kajian ini apabila mengaplikasikan kerangka analisis yang serupa. Walau bagaimanapun, tetap mempunyai perbezaannya apabila kajian Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha menggunakan dua kerangka iaitu *Self-Constructual* dan perspektif Islam terhadap watak Mas Ayu sebagai seorang anak. Sedangkan, kajian ini pula mengkaji *Self-Constructual* Zaiton dalam konteks kesemua peranan yang digarap sutradaranya pada watak ini.

Merujuk kepada sorotan literatur yang diperbincangkan di atas, didapati masih belum terdapat kajian yang mengkaji tentang identiti watak protagonis ketiga U-Wei ini. Bagi memenuhi jurang ilmu tersebut maka kajian terhadap identiti sebenar watak protagonis Zaiton relevan dilaksanakan.

## METODOLOGI KAJIAN

Data bagi persoalan artikel ini diperolehi daripada kajian jenis *fundamental* dengan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen utama bagi kajian ini adalah menerusi temu bual dengan pembikin filem *Buai Laju-Laju* (2004) iaitu U-Wei, yang turut bertindak sebagai penulis asal kepada naskah filem ini. Di samping itu, analisis kandungan teks filem turut dilakukan terhadap filem ini dalam bentuk rakaman MS VCD. Kajian kepustakaan turut dikumpulkan daripada bahan-bahan bercetak seperti tesis, artikel jurnal, bab dalam buku, buku, majalah dan akhbar. Selain itu, penulisan-penulisan dari atas talian yang berkaitan, turut tidak diketepikan.

Bagi merungkaikan objektif kajian ini, maka artikel ini mengaplikasikan teori *Self-Constructual* yang dipelopori oleh Markus & Kitayama (1991). Teori *Self-Constructual* yang berasal daripada bidang psikologi ini adalah tentang diri yang mempunyai pertalian dengan budaya. Sehubungan dengan itu, terdapat dua konsep yang diutarakan oleh ahli-ahli teori ini iaitu konsep *independent Self-Constructual* (Barat) dan konsep *interdependent Self-Constructual* (Timur). Berdasarkan konsep-konsep tersebut pula terdapat tiga ciri khusus yang digunakan untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu itu iaitu dari sudut pola kognisi, bentuk emosi dan motivasi diri.

Merujuk kepada aspek pola kognisi, individu yang *independent* lebih mengutamakan keputusan diri sendiri dengan menekankan kepada atribut dalaman. Sedangkan, individu yang *interdependent* pula lebih banyak memikirkan, sensitif, prihatin dan mengambil kira tentang orang lain dengan menekankan kepada konteks. Dari segi bentuk emosi individu yang *independent* pula, rasa marah, kecewa, bangga diri dan memandang rendah lebih banyak di ekspresi. Dalam erti kata yang lain, individu dalam kategori ini lebih mengutamakan perasaannya sendiri berbanding perasaan orang lain. Sementara, bagi individu yang *interdependent* pula mereka lebih banyak mengungkapkan perasaan simpati, malu dan berkeinginan. Tujuannya, untuk mengadakan keterikatan dengan orang lain bagi mencipta keharmonian. Seterusnya, motivasi individu yang *independent* lebih terserlah dengan pencapaian yang berorientasikan individu. Dengan itu, individu dalam kelompok ini akan berusaha mencapai matlamatnya dengan gigih dan cemerlang. Sedangkan, individu yang *interdependent* pula lebih menjurus kepada pencapaian yang berorientasikan

sosial apabila motivasinya terserlah untuk keinginan pencapaian secara bersama-sama. Maka, tidak hairanlah jika individu ini menekankan tentang sifat sabar, tabah dan kuat dalam memenuhi harapan individu-individu di sekelilingnya. Memandangkan, ahli-ahli teori ini menguji kemampuan teorinya terhadap manusia, maka terdapat dua kaedah yang ditambah untuk mengkaji watak dalam filem ini. Oleh itu, kaedah yang relevan untuk menganalisis ketiga-tiga aspek ini sama ada menerusi pendekatan *verbal* (dialog) mahupun *non-verbal* (aksi, perbuatan dan tindakan).

Watak Zaiton yang digarap dalam filem ini adalah terdiri daripada wanita Melayu beragama Islam, justeru latar masyarakatnya juga menunjukkan persamaan. Sehubungan dengan itu, adalah bertepatan sekiranya *Self-Constual* watak protagonis ini dikaji peranannya sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat berdasarkan perspektif Islam iaitu al-Quran dan hadis. Tujuannya, untuk mendapatkan jawapan yang lebih komprehensif sama ada watak wanita protagonis U-Wei ini masih kekal sebagai wanita Timur Islam atau sebaliknya.

#### PERKEMBANGAN WATAK PROTAGONIS

Zaiton adalah watak protagonis wanita Melayu Islam, berumur dalam lingkungan pertengahan awal 20-an dan mempunyai paras rupa yang menarik. Selain itu, Zaiton yang berasal dari kampung adalah seorang wanita yang bijak tetapi licik. Dari sudut pekerjaan pula Zaiton pernah berkecimpung dalam dunia lakonan dengan nama glamornya, Zai Rahman. Namun demikian, penglibatannya dalam industri seni tidak bertahan lama kerana tawaran yang diterimanya adalah tidak menepati kehendaknya. Zaiton akhirnya bersara dari dunia lakonan dan menamatkan zaman gadisnya dengan calon pilihannya, Ibrahim.

Selepas bernikah, Zaiton tidak menyangka bahawa dia perlu menjalani kehidupan secara sederhana apabila dia bersama-sama suaminya tinggal di rumah yang sederhana besar di pinggir kampung. Zaiton juga perlu bekerja dengan membantu suaminya berniaga secara kecil-kecilan di warung yang terletak bersebelahan dengan rumahnya. Gaya hidup seperti itu adalah bertentangan sekali dengan impiannya selama ini kerana dia yang menerima Ibrahim adalah semata-mata untuk hidup dalam kemewahan.

Kehidupan suami isteri ini mula berubah apabila didatangi oleh seorang pemuda iaitu Amran. Gara-gara tidak mempunyai wang untuk menjelaskan baki wang makannya sebanyak RM7.50, maka Amran menawarkan diri untuk bekerja dengan Ibrahim. Hasil kerjanya yang memuaskan menyebabkan dia diambil bekerja untuk membantu Zaiton di warung. Walau bagaimanapun, Zaiton cuba memikat dan menggoda Amran sehingga mereka terlanjur berzina. Zaiton yang licik cuba memperdayakan Amran sehingga pemuda tersebut terjerat dengan komplot pembunuhan Ibrahim. Kejadian tersebut berpunca daripada Zaiton yang mahu suaminya dibunuh dengan alasan, dia hamil zuriat Amran.

Tanpa disedari, kisah pembunuhan tersebut turut diketahui oleh seorang jurugambar bebas iaitu Johan yang mempunyai segala bukti tentang pembunuhan Ibrahim. Johan kemudiannya mengugut kedua-dua pasangan tersebut agar menyerahkan wang yang berjumlah RM 10, 000. Zaiton yang tertekan, mengarahkan Amran untuk mencari dalang sebenar yang menghantar surat ugutan. Amran akhirnya menjumpai lelaki tersebut dan sempat merampas segala foto dan filem yang ada kaitan dengan pembunuhan Ibrahim. Walau bagaimanapun, Johan selamat daripada dcederakan Amran setelah kedua-duanya diberi amaran oleh pihak polis yang menerima aduan tentang pergaduhan mereka.

Hubungan Zaiton dan Amran pula berantakan disebabkan Amran yang menjalinkan hubungan sulit dengan wanita yang bernama Ruby. Akibat dendam kerana kepercayaannya selama ini dikhianati, akhirnya Zaiton berpura-pura mati dalam kemalangan dengan bantuan Johan. Amran yang tertipu dengan lakonan Zaiton, akhirnya reda ditangkap pihak berkuasa apabila dia dituduh membunuh wanita yang dicintainya. Nasib serupa menimpa Johan apabila dia turut ditangkap polis atas kesalahan mengganggu dan mengugut Zaiton. Zaiton akhirnya bergelar 'janda' kaya apabila berjaya membolot kesemua harta Ibrahim.

#### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, perbincangan artikel adalah berlandaskan kepada tiga peranan utama Zaiton. Pertama; peranan sebagai seorang anak, kedua; peranan sebagai seorang isteri dan ketiga; peranan sebagai anggota masyarakat. Hal ini demikian kerana hanya tiga peranan ini sahaja yang terdapat pada watak Zaiton sepertimana yang digarap oleh U-Wei dalam filem ini (*Buai Laju-Laju* 2004).

Sehubungan dengan itu, tiga peranan Zaiton yang multidimensi ini dianalisis berdasarkan elemen kognisi, emosi dan motivasi bagi merungkaikan kecenderungan sebenar *Self-Constructual* watak protagonis ini.

#### PERANAN SEBAGAI SEORANG ANAK

Zaiton adalah anak kepada pasangan suami isteri di kampung yang dinyatakan U-Wei secara langsung melalui teknik dialog, di antara Zaiton dan Amran. Berdasarkan perbualan tersebut, didapati bahawa kedua-dua ibu bapa Zaiton masih lagi hidup. Lanjutan itu, watak Zaiton sebagai seorang anak, dianalisis bersandarkan kepada tanggungjawab anak kepada ibu bapa yang masih hidup sahaja. Antara dua tanggungjawab yang dapat dikaitkan dengan watak Zaiton ini adalah taat kepada ibu bapa dan mempergauli ibu bapa dengan mesra. Sementara, empat lagi tanggungjawab iaitu menjaga maruah diri dan ibu bapa, mencintai sahabat dan kaum kerabat ibu bapa, memberikan nafkah kepada ibu bapa serta mendoakan kesejahteraan ibu bapa tidak ditemui pada watak Zaiton.

##### *Taat kepada Ibu Bapa*

Di bawah tanggungjawab taat kepada ibu bapa, Zaiton tanpa berfikir panjang telah bertindak dengan melarikan diri tanpa izin dan pengetahuan ibu bapa. Keputusan tersebut diambil kerana dia terlalu memikirkan cita-citanya yang mahu bergelar sebagai seorang artis. Oleh itu, Zaiton sama sekali tidak menunjukkan rasa bersalah, bimbang, takut dan sedih apabila bertindak melarikan diri daripada orang tuanya. Selaras dengan itu, matlamat sebenar Zaiton adalah untuk mengubah masa depannya ke arah yang lebih terjamin. Hal ini diperkukuhkan dengan kenyataan U-Wei (2018) daripada Zaiton yang sudah puas bergelumang dengan kesempitan dan kemiskinan hidup bersama-sama ibu bapanya di kampung.

Selain itu, Zaiton juga telah bertindak bernikah tanpa pengetahuan dan persetujuan ibu bapa. Zaiton yang mengambil keputusan untuk bernikah dengan pasangannya, Ibrahim telah mengambil kira pelbagai faktor. Oleh sebab tindakan tersebut adalah datang daripada kemahuannya sendiri maka Zaiton sama sekali tidak berasa bimbang, sedih dan takut kerana pernikahan tersebut berlangsung tanpa pengetahuan dan persetujuan ibu bapanya. Lebih-lebih lagi, bapa yang mempunyai hak sebagai wali pernikahan turut tidak mengetahui tentang pernikahan anak gadisnya itu. Selari dengan itu,

matlamat Zaiton yang bertindak sedemikian adalah untuk memastikan dirinya selamat bernikah dengan pilihannya sendiri iaitu Ibrahim.

##### *Mempergauli Ibu Bapa dengan Mesra*

Tanggungjawab kedua yang dapat dikaitkan dengan watak ini apabila Zaiton tidak menghubungi dan menziarahi ibu bapanya yang masih menetap di kampung. Dalam situasi ini, Zaiton sama sekali tidak terlintas untuk menghubungi mahupun menziarahi ibu bapanya, walhal tiada sebarang halangan untuknya berbuat demikian. Kenyataan ini selari seperti yang disebut pembikin filem ini bahawa watak Zaiton adalah lebih dominan berbanding watak suaminya. Zaiton yang sudah hampir lima tahun memutuskan hubungan dengan ibu bapanya sama sekali tidak terganggu dengan ingatan, perasaan rindu dan kasih terhadap mereka. Secara terang-terangan, Zaiton yang tetap dengan pendiriannya kerana dia masih belum mengecap kemewahan seperti yang diimpikan selama ini.

#### PERANAN SEBAGAI SEORANG ISTERI

Zaiton beralih status kepada isteri apabila mengahwini Ibrahim yang mempunyai perbezaan umur hampir 30 tahun. Namun begitu, hal tersebut tidak menjadi halangan untuk Zaiton menerima lelaki yang berusia kerana yang dipentingkan adalah harta Ibrahim. Sebelum bernikah, Zaiton mengenali Ibrahim sebagai seorang yang kaya-raya apabila mempunyai aset dalam bentuk hartanah yang berjumlah 50 ekar. Walau bagaimanapun, sangkaannya adalah meleset sama sekali apabila kehidupan mewah yang diinginkannya tidak menjadi kenyataan. Hal ini disebabkan oleh suaminya mengamalkan gaya hidup yang sederhana. Misalnya, Ibrahim hanya mempunyai kereta dan motor lama untuk bergerak, tinggal di rumah kampung sederhana besar dan berniaga kecil-kecilan dengan membuka warung di tepi rumah. Oleh itu, peranan Zaiton sebagai isteri dianalisis bersandarkan tiga tanggungjawab iaitu taat kepada suami, menjaga maruah diri dan suami serta mengurus rumah tangga. Sementara, tanggungjawab sebagai pendorong, pemaaf dan pemberi motivasi kepada suami pula tidak terdapat pada watak ini.

##### *Taat kepada Suami*

Di bawah tanggungjawab taat kepada suami, Zaiton telah bertindak dengan berpura-pura menyenangkan hati suaminya. Tidak dapat dinafikan bahawa pada awalnya Zaiton tidak mempedulikan suaminya,

tetapi akhirnya dia bertindak mengubah keputusan apabila memikirkan tentang pekerjaannya iaitu Amran. Secara luarannya, Zaiton berasa gembira, terhibur dan seronok apabila dapat menghiburkan suaminya. Namun demikian, pada hakikatnya menurut sutradara filem ini kegembiraan yang di ekspresi olehnya hanya sebuah lakonan semata-mata. Oleh itu, secara jelasnya motivasi Zaiton ini adalah untuk mengelakkan suaminya daripada menghidu tentang perubahan pada dirinya. Terutamanya, selepas kedatangan Amran yang bersetuju menerima tawaran untuk bekerja dengan mereka.

Zaiton juga adalah seorang isteri yang tidak dapat menerima gaya hidup suaminya yang sederhana. Berdasarkan aspek pola pemikiran, pertimbangan tersebut adalah bukan secara drastik tetapi telah dipendamkannya sejak sekian lama. Walaupun secara luarannya, Zaiton tidak memintaminta, merungut-rungut dan mengungkit-ungkit tentang keperluan yang disediakan oleh suaminya, namun ianya tidak bermakna Zaiton reda dengan kehidupannya itu. Sejajar dengan itu, pendorong utama kepada perilaku Zaiton ini adalah disebabkan keinginan yang kuat untuk hidup dalam serba-serbi kemewahan. Hal ini termasuklah mewah dengan perhiasan diri, tempat tinggal, kenderaan yang dimiliki, selain mempunyai wang simpanan yang banyak.

Zaiton tidak terkecuali mengambil kesempatan di atas sikap suaminya, Ibrahim. Oleh itu, Zaiton tidak berfikir panjang apabila memutuskan untuk memanipulasikan suaminya. Maka, tidak hairanlah sekiranya Zaiton dalam diam turut bersetuju dengan cadangan dan pandangan suaminya agar Amran membantunya di warung. Zaiton yang bertindak sedemikian berasa puas dan gembira apabila suaminya akhirnya terpedaya dengan lakonannya. Walau bagaimanapun, dia tidak mengekspresikan perasaan tersebut secara terang-terangan di hadapan Ibrahim kerana bimbang suaminya menyimpan syak wasangka terhadapnya. Lantaran itu, pendorong sebenar Zaiton yang berbuat demikian adalah bertujuan untuk mengaburi mata suaminya supaya tidak mengesyaki tentang rancangan 'jahat' yang sedang dirancangnya.

Di samping itu, Zaiton turut keluar dari rumah tanpa izin dan pengetahuan suaminya. Seheinggakan, terdapat percubaan Zaiton untuk melarikan diri bersama-sama lelaki lain iaitu Amran. Zaiton yang memutuskan hal sedemikian sama sekali tidak berfikir panjang, sebaliknya hanya memikirkan tentang keberuntungan yang bakal diperolehnya.

Sehubungan dengan itu, Zaiton yang bertindak sedemikian tidak menunjukkan rasa sedih, bersalah dan gentar sekiranya suaminya menyedari tentang ketiadaan dan kehilangannya di rumah. Maka, pendorong utama Zaiton yang keluar rumah tanpa keizinan dan pengetahuan suami adalah kerana dia mahu mencari kebahagiaan dan kemewahan hidup untuk dirinya semata-mata. Sutradara filem (2018) ini menjelaskan bahawa harta-benda adalah kriteria utama bagi Zaiton ketika dia menerima lamaran suaminya, Ibrahim.

Bukan itu sahaja, Zaiton juga meninggikan suara dan mengarah-arahkan suaminya. Keputusan tersebut dibuat tanpa Zaiton memikirkan bahawa dia bercakap dengan suami yang bergelar sebagai ketua keluarga. Emosi Zaiton setelah suaminya mengikut telunjuknya adalah berasa puas dan gembira, jauh sekali untuk mengekspresikan perasaan bersalah dan simpati. Sehubungan dengan itu, motivasi Zaiton secara jelasnya adalah untuk mempergunakan suaminya. Pertama; bertujuan untuk mendapatkan baki wang yang tidak mampu dibayar oleh Amran ketika kedatangan pertama kali pemuda tersebut ke warung miliknya. Kedua; dia mahu suaminya memberi ruang untuknya berdua-duaan dengan Amran bagi merencanakan rancangan membunuh suaminya, Ibrahim dengan segera.

Tindakan Zaiton yang dianggap paling berani dan kejam apabila bertindak menganiayai suaminya sehingga sanggup membunuh. Tidak dapat dinafikan bahawa Zaiton sudah sekian lama menyimpan hasrat tersebut dan dia membuat keputusannya sendiri dalam keadaan yang waras. Berdasarkan tindakannya itu, Zaiton tidak menunjukkan rasa gentar, bersalah dan takut semasa dirinya merancang komplot pembunuhan suaminya dengan Amir. Selepas suaminya dibunuh, perasaan Zaiton masih tetap tidak berubah. Secara terang-terangan, Zaiton yang berbuat demikian adalah bertujuan untuk membolot kesemua harta-benda suaminya. Hal ini selari dengan kenyataan U-Wei (2014) bahawa watak Zaiton adalah watak yang keras dan akan sedaya-upaya melakukan sesuatu bagi merealisasikan keinginannya.

Tindakan terakhir Zaiton di bawah tanggungjawab ini apabila dia tidak amanah dalam menjaga harta-benda suaminya. Zaiton yang bertindak sedemikian adalah berlandaskan keputusannya semata-mata tanpa wujud pengaruh daripada individu lain, misalnya Amran. Oleh itu, Zaiton sama sekali tidak mengekspresikan perasaan bersalah dan simpati kepada arwah suaminya,

Ibrahim yang selama ini bersusah payah bekerja keras untuk mengumpul asetnya. Maka, faktor pendorong Zaiton ini adalah kerana dia tidak mahu mengulangi lagi kisah kehidupannya yang sentiasa ditimpa kesusahan demi kesusahan ketika dia tinggal di kampung bersama-sama ibu bapanya. Oleh itu, aset yang ditinggalkan Ibrahim adalah umpama dia mendapat keuntungan yang tidak disangka-sangka.

#### *Menjaga Maruah Diri dan Suami*

Merujuk kepada tanggungjawab menjaga maruah diri dan suami pula, Zaiton telah bertindak berpura-pura tidak melayani suaminya. Oleh itu, secara drastiknya Zaiton mengambil keputusan dengan menolak untuk bermesra-mesraan dengan suaminya memandangkan perlakuan suami isteri ini sedang diperhatikan oleh orang ketiga iaitu Amran. Zaiton yang terkejut dengan perbuatan suaminya itu pada awalnya menyangka bahawa Ibrahim tidak mengetahui bahawa Amran melihat kelakuan mereka berdua. Dengan itu, Zaiton berasa gembira apabila suaminya, mendengar permintaannya agar tidak menggangukannya. Secara jelasnya, matlamat sebenar Zaiton adalah bertujuan untuk membuatkan Amran menyangka bahawa hubungan suami isteri ini berhadapan dengan konflik. Hal ini demikian kerana Zaiton mengharapkan agar Amran jatuh ke dalam perangkapnya sebagai mangsa.

Zaiton juga telah berbohong kepada suaminya. Zaiton yang memutuskan untuk berbohong, dilakukan secara berulang kali dan kebanyakannya adalah dirancang. Bersangkutan dengan itu, Zaiton sama sekali tidak berasa bersalah kepada suami yang meletakkan sepenuh kepercayaan kepadanya selama ini. Motivasi sebenar Zaiton yang berbohong kerana dia mempunyai agendanya sendiri. Pertama; bertujuan agar suaminya memarahi dan menagih hutang daripada Amran yang tidak mampu membayar baki wang makan. Kedua; bertujuan untuk mengaburi mata suaminya daripada mengetahui bahawa dia sangat senang dengan kehadiran Amran. Ketiga; Zaiton yang berbohong dengan meminta agar suaminya singgah di restoran serta menyuruh suaminya membeli kain kerana dia mahu berdepan dengan Amran untuk menyelesaikan segera rancangan membunuh suaminya.

Seterusnya, Zaiton tidak memelihara dan menundukkan pandangan matanya. Dalam situasi ini, Zaiton memutuskan untuk mencuri pandang dan bertentangan mata dengan Amran dengan sewenang-wenang. Pembikin filem (2018) ini mengatakan bahawa pandangan Zaiton adalah

lebih menjerus kepada tertarik dan terpikat dengan Amran. Tidak dapat dinafikan bahawa Zaiton yang tidak memelihara pandangan matanya adalah tidak wujud perasaan bersalah, takut dan bimbang sekiranya pandangan tersebut diketahui suaminya. Oleh itu, Zaiton yang tidak memelihara pandangan matanya kerana didorong oleh dua matlamat iaitu pertama; untuk mengenali perwatakan Amran sama ada boleh dieksploitasi atau sebaliknya. Kedua; didorong oleh nafsunya semata-mata yang teruja melihat kekacakan dan kegagahan Amran berbanding suaminya, Ibrahim.

Zaiton juga didapati tidak menutup aurat apabila memutuskan dengan memakai pakaian yang terdedah, jarang dan ketat berbanding memakai pakaian yang sepatutnya dipakai oleh wanita Muslimah. Oleh sebab keputusan tersebut adalah daripada dirinya sendiri, maka Zaiton tidak berasa bersalah, berdosa dan simpati kepada suaminya kerana mempunyai isteri yang sengaja memandang mudah dalam soal menjaga aurat. Secara terang-terangan, matlamat Zaiton yang berpakaian sedemikian semasa hayat suaminya, bukan untuk menyenangkan pandangan mata suaminya, Ibrahim. Sebaliknya, demi kepuasan dan keyakinan dirinya semata-mata untuk berdepan dengan masyarakat sekeliling.

Selain itu, terdapat juga tindakan Zaiton yang membuka aib rumah tangga. Oleh itu, Zaiton tidak berfikir sedalam-dalamnya telah menceritakan serba sedikit kisah tentang dia yang 'terperangkap' bernikah dengan lelaki tua yang bernama Ibrahim kepada Amir. Lanjutan itu, emosi Zaiton apabila membuka aib perkahwinannya dengan Ibrahim kepada orang luar adalah berasa tidak bersalah dan seperti tiada apa-apa yang perlu dimalukan. Sejajar dengan itu, pendorong utama Zaiton menyatakan hal sedemikian kepada Amran adalah untuk menjelaskan kedudukan sebenar bahawa perkahwinan yang dibina dengan Ibrahim, bukan atas dasar cinta dan kasih sayang. Hal ini diperkukuhkan dengan kenyataan daripada pembikin filem ini bahawa Zaiton terpaksa bernikah dengan Ibrahim. Dengan itu, Zaiton secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada Amran untuk menggantikan tempat Ibrahim sebagai pelindung dirinya.

Biarpun telah bergelar isteri, Zaiton telah bertindak berkhawat sehingga berzina dengan Amran. Dalam situasi ini, Zaiton tidak berfikir dua kali untuk mempertahankan maruahannya sebagai seorang wanita dan isteri. Sehingga, Zaiton tidak terfikir tentang reaksi dan kesan kepada suaminya



jika rahsia tersebut terbongkar ke pengetahuan Ibrahim. Didapati bahawa Zaiton tidak mempunyai perasaan risau dan takut apabila dia melakukan hubungan seks selain daripada suaminya. Oleh itu, Zaiton yang terlibat dengan perbuatan yang dikeji agama kerana didorong oleh dua matlamat. Pertama; kerana desakan nafsu Zaiton semata-mata. Kedua; bertujuan untuk menundukkan Amran agar patuh kepadanya, secara tidak langsung membuatkan lelaki tersebut percaya bahawa dia hamil zuriat Amran.

#### *Menguruskan Rumahtangga*

Berdasarkan tanggungjawab menguruskan hal ehwal rumah tangga pula, Zaiton tetap memutuskan untuk menguruskan rumah tangga walaupun dirinya turut bekerja di warung. Dalam konteks ini, keadaan Zaiton yang menguruskan rumah tangga adalah dalam emosi yang stabil. Dikatakan sedemikian kerana tiada satu babak yang dipaparkan oleh U-Wei tentang Zaiton yang mengeluh, merungut, memprotes dan marah kepada suaminya gara-gara terpaksa melaksanakan tanggungjawab tersebut seorang diri. Walau bagaimanapun, Zaiton yang bertindak sedemikian pada awalnya disebabkan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri. Namun begitu, setelah kedatangan Amran, matlamat tersebut mula berubah apabila dia hanya mahu mengaburi mata suaminya, agar tidak mengesyaki yang bukan-bukan tentang dirinya.

#### PERANAN SEBAGAI ANGGOTA MASYARAKAT

Peranan Zaiton sebagai anggota masyarakat hanya dapat ditemui selepas Zaiton bernikah dengan Ibrahim dan tinggal di kampung halaman suaminya. Zaiton yang sebelum ini pernah menetap di kampung bersama-sama keluarga dan menetap di bandar semasa dirinya berkecimpung dalam bidang seni tidak dianalisis. Hal ini demikian kerana babak-babak tersebut tidak dipaparkan sepanjang filem ini berlangsung. Meskipun begitu, U-Wei (t.th.) mengatakan bahawa hubungan Zaiton dengan masyarakat setelah dirinya bergelar isteri adalah terbatas dalam filem ini. Buktinya, kedudukan rumah dan warung miliknya yang jauh daripada jiran-jiran tetangga. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak bermakna Zaiton tidak mempunyai hubungan dengan masyarakat sekeliling. Zaiton masih lagi dikenali oleh masyarakat sekitar sebagai peniaga. Sehingga, Zaiton juga turut keluar ke pekan jika terdapat urusan-urusan penting. Maka, peranan Zaiton ini hanya dapat diperbincangkan berdasarkan

tanggungjawabnya menjaga akhlak sesama anggota masyarakat sahaja. Sementara, tanggungjawab mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran tidak terdapat pada watak ini.

#### *Menjaga Akhlak*

Berlandaskan tanggungjawab menjaga akhlak, Zaiton telah membenarkan lelaki yang bukan muhrim masuk ke rumahnya. Merujuk kepada aspek pemikiran, Zaiton tidak terlintas untuk menghalang Amran yang secara tiba-tiba masuk ke rumahnya tanpa kebenaran. Lanjutan itu, Zaiton tidak mengekspresikan perasaan sakit hati, geram, marah dan takut hanya disebabkan Amran yang bertindak sedemikian. Oleh itu, Zaiton yang tidak kisah dengan kehadiran Amran di rumahnya kerana pada ketika dia hanya memfokuskan tentang masa depannya selepas kematian Ibrahim. Kehadiran pemuda tersebut adalah hal yang dianggap kecil dan remeh, apatah lagi penduduk kampung sudah mengetahui bahawa pemuda tersebut telah bekerja dengannya sebelum kematian Ibrahim lagi.

Seterusnya, Zaiton telah membuka aib segelintir anggota masyarakat. Berkaitan dengan aspek pola kognisi, Zaiton memilih untuk membuka aib individu yang dibencinya iaitu Amran. U-Wei (2018) mengatakan bahawa pertimbangan tersebut dilakukan Zaiton kerana didesak oleh tindakan Amran yang pada pandangannya boleh menggagalkan matlamat peribadinya. Menerusi bentuk emosi Zaiton pula, didapati bahawa Zaiton tidak mampu mengawal emosi geram, marah dan benci daripada terluah di tengah-tengah masyarakat. Dengan ini, motivasi utama Zaiton yang berbuat demikian adalah kerana dia menyimpan dendam kepada Amran. Hal ini berpunca daripada pemuda tersebut yang bersikap curang kepadanya dengan menjalinkan skandal dengan wanita lain di belakangnya.

Zaiton turut bertindak memaki-hamun, mencaci dan mengeji anggota masyarakat iaitu sesama wanita. Sehubungan dengan itu, Zaiton tidak mengawal percakapannya apabila menggelar wanita yang bernama Ruby dengan gelaran pelacur. Dari sudut emosi pula, Zaiton melepaskan perasaan geram, marah, benci dan rasa tidak puas hatinya yang terkesan dengan tindakan Amran yang masih menidakkan hubungan yang terjalin antaranya dengan Ruby. Lanjutan itu, matlamat sebenar Zaiton yang berbuat demikian kerana Zaiton mahu menyedarkan Amran bahawa dia telah melakukan kesilapan yang besar. Meskipun Amran tidak

bercakap benar, tetapi dia dapat menjangkakan hubungan yang terjalin antara kedua-duanya bukan hubungan biasa tetapi lebih daripada itu.

Menganiayai anggota masyarakat juga dilakukan Zaiton. Dalam konteks ini, Zaiton memutuskan dengan mempergunakan orang lain iaitu Amran dan Johan yang merupakan seorang jurugambar sehingga mereka dijatuhkan hukuman. U-Wei (2018) mengatakan bahawa pendekatan sebegini diambil oleh Zaiton kerana dia mahu melepaskan dirinya daripada sebarang bentuk hukuman apabila dikaitkan dengan pembunuhan suaminya sebelum ini. Selari dengan itu, tiada perasaan simpati, bersalah dan sedih apabila Zaiton nekad untuk berbuat demikian. Didapati bahawa Zaiton yang memanipulasikan orang lain adalah semata-mata untuk kepentingan peribadinya sahaja. Pertama; mengelakkan dirinya daripada dikaitkan dengan tragedi pembunuhan suaminya. Kedua; Zaiton turut ingin melepaskan diri daripada gangguan Amran dan Johan yang dianggapnya bukan menambahkan kesenangan kepadanya sebaliknya menyebabkan beban dalam hidupnya sahaja.

Di samping itu, Zaiton juga telah berkhawatir dengan lelaki yang bernama Amran. Situasi ini menggambarkan bahawa Zaiton seolah-olah tidak terfikir bahawa dia secara tidak sengaja telah melibatkan diri dalam perbuatan yang dilarang keras dalam agama. Lanjutan itu, tiada perasaan bimbang, takut dan bersalah yang di ekspresi olehnya apabila bersama-sama Amran di tempat-tempat yang terselindung daripada perhatian dan pengetahuan orang lain. Sebaliknya, lebih menjurus kepada perasaan gembira dan seronok. Secara terang-terangan, Zaiton yang sanggup berkhawatir adalah bertujuan untuk mengaburi mata Amran daripada mengetahui bahawa dia sebenarnya mempunyai rancangan untuk menyingkirkan lelaki tersebut dalam hidupnya.

Dalam konteks memberi layanan kepada tetamu, Pak Haji dan para pelanggan, Zaiton memutuskan secara waras untuk melayani mereka. Emosi Zaiton pada awalnya berasa tergugat dengan kata-kata nasihat daripada Pak Haji dan kata-kata berbentuk sindiran daripada para pelanggannya. Namun begitu, Zaiton berjaya menangkis emosinya daripada mengekspresikan perasaan marah dan sakit hati apabila menjadi mangsa tuduhan mereka. Oleh itu, matlamat sebenar Zaiton yang bertindak sedemikian adalah menjurus kepada soal keselamatan diri agar tidak dituduh bersekedudukan dengan lelaki asing iaitu Amran. Selain, dijauhi tuduhan sebagai dalang kepada pembunuhan suaminya, Ibrahim.

Tindakan berbohong dan mengaburi mata masyarakat turut dilakukan oleh Zaiton. Zaiton sememangnya mengambil keputusan sedemikian adalah atas pertimbangannya sendiri, malah tindakannya itu sudah dirancang rapi. Maka, Zaiton berasa cukup gembira, berpuas hati dan bangga apabila penipuannya berjaya meyakinkan orang lain termasuklah Amran, pegawai polis, pegawai bank dan termasuklah segelintir penduduk kampung seperti Pak Haji. Lanjutan itu, motivasi sebenar Zaiton yang berbohong adalah pertama; untuk merealisasikan impiannya agar Amran berkomplot dengannya dalam membantu menyingkirkan Ibrahim, kedua; terlepas daripada tuduhan membunuh suaminya dan ketiga; untuk mengelakkan sebarang halangan untuk mendapatkan harta peninggalan arwah suaminya.

Tindakan terakhir di bawah tanggungjawab ini apabila Zaiton telah bertindak mengganggu ketenteraman masyarakat sekelilingnya. Walau bagaimanapun, Zaiton sama sekali tidak memikirkan tentang anggota masyarakat yang terganggu dengan tindakannya apabila mereka secara tidak sengaja menyaksikan pertengkaran antara dirinya, Amran dan Ruby. Maka, tidak hairanlah sekiranya Zaiton tidak rasa bersalah, malu, bimbang, sensitif dan takut apabila mengganggu ketenteraman mereka. Dengan ini, faktor pendorong Zaiton yang bertindak sedemikian adalah semata-mata untuk mengugut Amran supaya kembali kepadanya. Sekiranya Amran terus berdegil, Zaiton mahu membongkar kepada penduduk kampung tentang segala tindakan yang dilakukan oleh pemuda tersebut. Termasuklah membunuh Ibrahim dan menjalinkan hubungan terlarang dengan dia yang berstatus isteri orang.

## KESIMPULAN

Perbuatan Zaiton sebagai seorang anak, sesuai dikelompokkan dalam *independent Self-Construct* apabila meletakkan kepentingan diri di hierarki teratas berbanding mengambil kira ibu bapanya yang lebih mempunyai prioriti. Peranan Zaiton sebagai seorang isteri juga adalah tergolong dalam *independent Self-Construct* kerana mengutamakan dirinya sendiri tanpa mempedulikan tanggungjawabnya kepada suami sebagai ketua keluarga. Terakhir, peranan Zaiton sebagai anggota masyarakat lebih terarah kepada *independent Self-Construct*, kerana lebih mementingkan kepentingan peribadinya semata-mata tanpa mengendahkan tanggungjawabnya dalam mencapai keperluan bersama-sama ahli masyarakat. Oleh yang

demikian, watak Zaiton ini mempunyai persamaan dengan watak Zaleha dalam filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993) menerusi peranannya sebagai seorang isteri. Sementara itu, watak Zaiton dengan Mas Ayu pula tidak menunjukkan keselarisan apabila watak Zaiton sebagai seorang anak adalah jelas sebagai *independent Self-Construal*, manakala *Self-Construal* Mas Ayu adalah sebaliknya. Tanpa dapat disangkal lagi, watak Zaiton dalam filem *Buai Laju-Laju* (2004) adalah sejajar dengan norma-norma kebebasan dan berautonomi sepertimana budaya Barat yang diperkatakan oleh Markus & Kitayama (1991). Dengan ini, watak ini sekali gus kontradiksi dengan norma sosial, agama dan ketentuan hukum dalam masyarakat Melayu Islam.

## RUJUKAN

- A. Wahab Hamzah. 1994. Masihkah bunga desa dan air mata? Citra wanita dalam filem Melayu kontemporari. *Dewan Budaya*. Ogos 51-53.
- Arkib Negara Malaysia. t.th. Datin Hajah Rosnani Jamil. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/datin-hajah-rosnani-jamil>. Muat turun pada: 1 Februari 2019.
- Asiah Sarji. 1985. Film and change. The portrayal of women in films. Kertas kerja dibentangkan di Symposium and Social Change, East-West Center, 26-30 September, Hawaii.
- Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz. 2013. Mencabar ideologi maskulin: Wanita dan saka dalam filem seram di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 29(1): 113-126.
- Azlina Asaari. 2017. Kajian bandingan watak wanita dalam filem seram kontemporari Melayu dan Hollywood. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buai Laju-Laju. 2004. Filem cereka. Kuala Lumpur: LeBrocquy Fraser.
- Finas. 2017. Citra wanita dan sebuah bisikan seni. <https://www.finas.gov.my/en/citra-wanita-dan-sebuah-bisikan-seni/>. Muat turun pada: 1 Februari 2019.
- Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim. 2004. Metaphor of the female in Malay movies. *Jurnal Skrin Malaysia* 1: 11-22.
- Hanita Mohd. Mokhtar Ritchie. 2011. Negotiating melodrama and the Malay woman: Female representation and the melodramatic mode in Malaysian – Malay films from the early 1990s-2009. Tesis Doktor Falsafah. Glasgow University of United Kingdom.
- Khoo Gaik Cheng. 2010. Gendering old and new Malay through Malaysian auteur filmmaker U-Wei Haji Saari's literary adaptations, *The Arsonist* (1995) and *Swing My Swing High, My Darling* (2004). *South East Asia Research* 18(2): 301-324.
- Markus, H. R. & Kitayama, S. 1991. Culture and the self: Implications for cognition, emotion and motivation. *Psychological Review* 98(2): 224-253.
- Mohd Hafiz Che Othman. 2010. 'Mise-en-scene' dalam filem U-Wei Haji Saari: Kaki Bakar dan Buai Laju-laju. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Helmi Yusoh & Jamaluddin Aziz. 2018. Pemerkasaan watak wanita dalam filem berunsurkan Islam: Kajian kes "Ketika Cinta Bertasbih". *Gema Online* 18(1): 140-160.
- Ngo Sheau Shi. 2003. The construction of sexual difference in the films of U-Wei Haji Saari: A feminist psychoanalytic analysis. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Ngo Sheau Shi. 2010. Pembentukan seksualiti dalam filem U-Wei Haji Saari: Satu analisis psikoanalitik feminis terhadap filem *Perempuan, Isteri & ...* Dlm. *Antologi Esei Komunikasi: Teori, Isu dan Amalan*, Disunting oleh Azman Azwan Azmawati, Mahyuddin Ahmad, Mustafa Kamal Anuar & Wang Lay Kim, 105-121. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Bazura Baharuddin & Abd Ghafar Ibrahim. 2008. Filem Buai Laju-laju arahan U-Wei Haji Saari: Satu analisis semiotik. *Jurnal skrin Malaysia* 5:55-70.
- Nor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. 2015. Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. *Journal of Education and Social Sciences* 2: 137-149.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. 2017. Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-73.
- Nordin Hussin, Rahilah Omar & Siti Fathihah Abd Latif. 2012. Penyertaan ekonomi wanita Melayu dalam zaman kesultanan Melayu: Permulaan bagi sebuah perjuangan dalam Ekonomi. *Akademika* 82(2): 55-68.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Filem sebagai wadah komunikasi: Sorotan kajian lepas karya U-Wei Haji Saari. Edisi Khas, *Jurnal Melayu* 304-317.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Korpus ilmu filem-filem U-Wei Haji Saari. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Development, Environment and Society, anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, 16-17 Ogos, Sarawak.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2018. *Self-Construal* watak protagonis wanita sebagai seorang anak dalam *Black Widow-Wajah Ayu* (1994). Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Kali ke-10, anjuran Jabatan bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. 6-7 Februari, Kelantan.

- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos & Mohammad Nazri Ahmad. 2016. Seksisme dalam Black Widow-Wajah Ayu (1994) arahan U-Wei Haji Saari. Kertas kerja dibentangkan di The Tenth International Malaysian Studies Conference, anjuran Universiti Malaysia Sabah, Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), IKMAS, FSSK dan KPWKM, 15-17 Ogos, Sabah.
- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos, Mohammad Nazri Ahmad & Fatimah Muhd Shukri. 2017. Pemaparan kognisi dan emosi wanita Melayu U-Wei Haji Saari dalam Perempuan, Isteri & ... (1993). Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 23-24 Februari, Pulau Pinang.
- Nur Nafishah Azmi. 2015. Watak wirawati unggul dalam filem Melayu: Kajian kes Tsu Feh Sofiah (1986), Fenomena (1990) dan Perempuan Melayu Terakhir (1999). Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Marziah Zakaria, Nor Ba' Yah Ab. Kadir & Nasrudin Subhi. 2017. Selarikh makna kepuasan hidup daripada perspektif wanita pertengahan usia berkerjaya di Hulu Langat dengan perspektif Islam? *Akademika* 87(2): 119-131.
- Soh Geok Choon. 1988. Pemaparan imej wanita dalam filem-filem bersiri "esok" arahan Jins Shamsuddin. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- U-Wei Haji Saari. 2014. Di sebalik Perempuan, Isteri & ... (1993). <https://www.youtube.com/watch?v=SRI9cJ77WnI&t=88s>. Muat turun pada: 30 Januari 2019.
- U-Wei Haji Saari. 2018. Filem *Buai Laju-Laju* (2004), Kuala Lumpur. Temu bual, 14 April.
- U-Wei Haji Saari. t.th. The unmaking of Buai Laju-Laju. Video. Kuala Lumpur: Penedaran J.A.S.
- Zawawi Ibrahim. 2004. On Erma Fatima's the last Malay woman: Gendering discourse on reclaiming Malayness in the new Malaysian cinema. *Screening Southeast Asia* 24(2): 27-38.

Nur Azliza Mohd Nor  
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
E-mail: liza85nor@gmail.com

Nur Afifah Vanitha Abdullah (corresponding author)  
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
E-mail: nurafifah@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Februari 2019